

Pendakwa mohon tujuh kes Muhyiddin dibicara bersama

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pihak pendakwa dalam tujuh kes salah guna kedudukan dan perubahan wang haram dihadapi bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memfailkan permohonan agar kesemua kes itu dibicarakan bersama.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin memaklumkan Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Azura Alwi bahawa permohonan tersebut difailkan semalam dan salinan dokumen terbabit diserahkan kepada barisan pembelaan, pagi semalam.

Azura kemudian menetapkan

kan 30 Jun ini untuk barisan pembelaan memfailkan affidavit jawapan terhadap permohonan tersebut manakala pihak pendakwa perlu membalas affidavit tersebut sebelum atau pada 14 Julai ini.

Permohonan itu akan disebut semula pada 4 Ogos ini.

Selain itu, Wan Shahrudin memaklumkan sebahagian dokumen berkaitan kes-kes itu telah diserahkan kepada barisan pembelaan semalam.

Perkara tersebut disahkan salah seorang peguam Muhyiddin, Datuk Hisyam Teh Poh Teik.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib memaklumkan mahkamah bahawa satu pertuduhan

di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang telah dipindahkan ke hadapan Azura.

Pada 10 Mac lalu, Muhyiddin, 76, didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan berjumlah RM232.5 juta dan dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram RM195 juta.

Pada 13 Mac lalu, Muhyiddin didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas satu pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta di AmBank cawangan Amcorp Mall, Petaling Jaya dekat sini, pada 7 Januari 2022.

Muhyiddin memfailkan permohonan untuk membatalkan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk suapan berjumlah RM232.5 juta bagi parti Bersatu pada 18 April lalu.

Permohonan untuk membatalkan pertuduhan itu ditetapkan untuk sebutan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin pada 31 Mei ini.

Pada 27 April lalu, Muhyiddin memfailkan permohonan untuk memindahkan kesemua kesnya ke Mahkamah Tinggi kerana kes tersebut melibatkan persoalan undang-undang yang kompleks membabitkan Perlembagaan Persekutuan.